

# *Puncak Berkecuali: Malaysia tak bercadang jadi tuan rumah*

**KUALA LUMPUR 8 Sept.** — Malaysia tidak bercadang menjadi tuan rumah kepada Persidangan Kemuncak Negara - Negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai oleh 101 buah negara, kata **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil tidak mampu mengeluarkan perbelanjaan \$35 juta untuk menganjurkan persidangan sebesar itu.

"Oleh demikian, kita patut melupakan sahaja perkara seperti ini," tambahnya semasa mengulas laporan agensi berita yang menyatakan kononnya khabar angin bertiup kencang bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada persidangan NAM akan datang.

Laporan Reuter pula menyebutkan ketua-ketua negara Pergerakan Berkecuali telah gagal mencapai persetujuan mengenai tempat untuk mengadakan persidangan kemuncak mereka yang akan datang walaupun rundingan pan-

jang lebar telah diadakan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau percaya banyak negara di rantau ini yang berminat menganjurkan persidangan NAM khususnya Indonesia.

"Sekiranya Indonesia benar-benar mahu menjadi tuan rumah, kita akan menyokongnya," katanya dalam satu sidang akhbar di pejabatnya untuk mengumumkan butir-butir mengenai persidangan ke-lapan NAM yang tamat di Harare semalam.

## **Faedah**

Pada keseluruhannya, Perdana Menteri menyifatkan hasil persidangan itu sebagai memuaskan dan keanggotaan Malaysia mempunyai faedah yang besar.

Malaysia khususnya Datuk Sri Dr. Mahathir mendapat penghargaan serta ucapan tahniah daripada pemimpin - pemimpin Dunia Ketiga kerana peranan beliau dalam penubuhan Suruhanjaya Selatan.

Beliau berkata pemimpin Dunia Ketiga yang dite-

muinya bersepakat meluluskan dan memberi jaminan akan melaksanakan cadangan - cadangan yang bakal dilaksanakan oleh suruhanjaya bebas itu khususnya mengenai isu-isu pembangunan.

Datuk Sri Dr. Mahathir selaku pengerusi jawatankuasa pemandu suruhanjaya berkesempatan menemui rakan sejawatnya, Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Rajiv Gandhi dari India, Kenneth Kaunda dari Zambia, Presiden Tanzania, Presiden Alan Garcia dari Peru serta raja-raja Bhutan dan Nepal.

Mengenai keanggotaan suruhanjaya itu yang dipengerusikan oleh bekas Presiden Tanzania, Julius Nyerere, beliau berkata seeloknya, anggota terdiri daripada orang-orang di luar kerajaan tetapi mempunyai status dan kemampuan intelektual yang boleh memberikan sumbangan berfaedah.

Bagaimanapun, katanya, ibu pejabat suruhanjaya itu belum diputuskan lagi dan Malaysia boleh memberi nasihat mengenai hal itu jika diperlukan oleh Nyerere.

Soal dadah juga menarik perhatian persidangan dengan negara - negara berkecuali mendapat penjelasan betul tentang hukuman mati yang dikenakan oleh Malaysia terhadap pengedar - pengedar tanpa mengira warna kulit.